

Kapal berkait Israel dihalane berlabuh

Tindak balas terhadap Zionis ketepi prinsip kemanusiaan di Palestin

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Berkuat kuasa serta-merta, syarikat perkapalan berpangkalan di Israel, kapal menggunakan bendera negara itu atau dalam perjalanan menuju ke Sana, dilarang berlabuh atau memuatkan kargo di mana-mana pelabuhan Malaysia.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sekatan itu sebagai tindak balas terhadap tindakan Israel yang mengetepikan prinsip asas kemanusiaan dan melanggar undang-undang antarabangsa menerusi pembantaian serta kekejaman berterusan ke atas rakyat Palestin.

Beliau berkata, ia turut membatik kapal milik syarikat ZIM berpangkalan di Israel yang dijadual berlabuh di Westports, Pelabuhan Klang pada 26 Disember ini dengan Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan segera mengenakan larangan kekal terhadap syarikat itu.

"Untuk rekod, Kabinet pada 2002 mula membenarkan kapal milik syarikat ini berlabuh di Malaysia. Pada 2005, Kabinet ketika itu memberi kebenaran kepada kapal terbabit untuk mendarat di Malaysia. Namun, kerajaan hari ini memutuskan untuk membatalkan semua keputusan Kabinet yang lalu," katanya.

Dalam satu kenyataan semalam, Anwar berkata, kerajaan turut memutuskan untuk tidak lagi menerima kapal yang menggunakan bendera Israel berlabuh di negara ini, selain larangan kepada mana-mana kapal yang dalam perjalanan menuju ke Israel daripada memuatkan kargo di pelabuhan Malaysia.

"Kedua-dua sekatan ini berkuat kuasa serta-merta dan kita yakin keputusan terbabit tidak akan menjejaskan kegiatan perdagangan Malaysia"

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



"Kedua-dua sekatan ini berkuat kuasa serta-merta dan kita yakin keputusan terbabit tidak akan menjejaskan kegiatan perdagangan Malaysia," katanya.

Susulan itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dalam kenyataan berasingan, berkata Lembaga Pelabuhan Klang diarah membantu semua pihak terjejas susulan ketetapan berkenaan, membabitkan syarikat logistik, pengimport, pengeksport dan perkapalan dalam menguruskan kargo masing-masing.

"Syarikat perkapalan Israel, ZIM tidak akan dibenarkan berlabuh di pelabuhan Malaysia berkuat kuasa serta merta. Lembaga Pelabuhan Klang sudah diarah membantu syarikat logistik, pengimport, pengeksport dan perkapalan dalam menguruskan kargo masing-masing yang terjejas," katanya.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil ketika ditemui selepas program Spotlight: Apresiasi Sinema Malaysia Tahun 2023, melihat keputusan itu selaras dasar Malaysia mengenai isu Israel dan tidak akan menjejaskan sektor perkapalan atau penggunaan pelabuhan negara.

"Saya jangka banyak kapal yang berlabuh di pelabuhan kita destinasi Israel, tapi saya percaya jumlahnya tidak terlalu besar. Keputusan ini, dari segi dasar, saya lihat konsisten dengan komitmen kita dalam memperjuangkan nasib rakyat Gaza.

"Ia juga langkah kita untuk tidak mengiktiraf Israel. Semestinya kerajaan akan teliti isu ini dari semasa ke semasa. Apa pun, kerajaan beri signal paling jelas, kita tidak iktiraf negara Israel dan tidak akan bersekongkol, termasuk membantu dari segi ekonomi," katanya.

Tak jejas perdagangan

Sementara itu, Pensyarah Ekonomi Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berpandangan keputusan kerajaan itu tidak akan memberi kesan kepada perdagangan dan ekonomi negara kerana Malaysia dan Israel tiada hubungan diplomatik atau perdagangan rasmi dua hala.

"Tindakan kerajaan ini sebenarnya mematuhi ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu untuk tidak menyokong (keganasan) dilakukan Israel ke atas Gaza. Ini tidak melanggar mana-mana peraturan antarabangsa.

"Jika ada boikot antara Malaysia dan Israel juga, ia tidak memberi kesan kerana rejim itu bukan rakan dagang kita," katanya turut yakin negara sekutu Israel seperti Amerika Syarikat (AS) juga tidak akan mengambil tindakan ke atas Malaysia.

Jelasnya, walaupun AS antara rakan dagang terbesar Malaysia, keputusan diambil kerajaan tidak akan memberi kesan menyeluruh terhadap hubungan kedua-dua negara kerana fokus Kuala Lumpur ketika ini adalah terhadap Israel, bukan negara lain.

Bagi Profesor Ekonomi Universiti Sunway, Dr Yeah Kim Leng, biarpun kapal ada kaitan dengan Israel tidak dibenarkan berlabuh di Malaysia, ia masih boleh menggunakan pelabuhan negara lain seperti Singapura.

"Memandangkan Malaysia dan Israel tiada hubungan diplomatik, kesan daripada keputusan kerajaan ini amat minimum. Bagaimanapun, kita tidak tahu berapa banyak kapal (menggunakan bendera Israel) berlabuh di pelabuhan kita sebelum ini, jumlahnya besar atau kecil," katanya.